

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kualiti Keputusan Peperiksaan Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru

Mohamad Abdillah Royo & Zul Azli Bin Zainun
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti adakah faktor-faktor peranan dan dorongan ibu bapa, minat, sikap, kaedah pengajaran guru dan kemudahan pembelajaran mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan sampel 70 orang pelajar dari Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang mempunyai 2 bahagian iaitu bahagian A adalah latar belakang responden dan bahagian B adalah menjawab lima persoalan kajian yang mengandungi 30 item kesemuanya. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dan nilai Alpha Cronbach ialah 0.855 telah diperolehi manakala keesahan item-item diperolehi menerusi perbincangan dengan pakar. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 13.0. Hasil analisis daripada persoalan kajian mendapati secara keseluruhannya kesemua faktor yang dikaji mempengaruhi kualiti keputusan SPM dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan terutamanya faktor peranan ibu bapa, minat pelajar dan pengajaran guru. Beberapa cadangan telah dibuat untuk meningkatkan prestasi pelajar serta memperbaiki kelemahan disamping memperkukuhkan lagi kekuatan yang sedia ada. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi lebih penumpuan kepada aspek-aspek yang mempengaruhi prestasi pelajar serta dapat membantu pihak yang berkenaan dalam menyediakan skop dan prasarana pembelajaran mata pelajaran ini dengan lebih efektif di masa hadapan.

Katakunci: kualiti keputusan peperiksaan

Pengenalan

Dalam usaha mewujudkan masyarakat yang berdaya saing, kita seharusnya berjaya melahirkan rakyat yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam sesuatu bidang. Falsafah Pendidikan Negara (1998), mempunyai matlamat iaitu untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat sebenarnya adalah selari dengan matlamat wawasan Negara iaitu mewujudkan masyarakat yang mampu memberi saingan, berjiwa kental dan berpandangan jauh.

Pernyataan Masalah

Keputusan peperiksaan SPM SMT. Perdagangan Johor Bahru pada tahun 2004 dengan 92.31% adalah satu prestasi yang baik, namun pencapaian pada tahun berikutnya menunjukkan penurunan sebanyak 10% dan kembali meningkat sehingga 94.77% pada tahun 2006. Di dalam kajian ini, penyelidik berhasrat untuk menjalankan kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti keputusan SPM dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dari aspek pelajar, keluarga, guru dan kemudahan peralatan.

Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk menjawab persoalan mengenai beberapa faktor yang telah dikenal pasti oleh pengkaji terhadap kualiti keputusan peperiksaan di sekolah berkenaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan ini dan kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu untuk :-

- (a) Mengenalpasti faktor peranan dan dorongan yang diberikan oleh ibubapa mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- (b) Mengenalpasti faktor minat pelajar mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- (c) Mengenalpasti faktor sikap pelajar mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- (d) Mengenalpasti faktor kaedah pengajaran guru mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- (e) Mengenalpasti faktor kemudahan pembelajaran mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi satu panduan dalam membantu pihak-pihak yang berkaitan, khasnya sekolah dan untuk semua pihak terutamanya pelajar yang mengimpikan kejayaan dalam setiap pelajarannya. Selain itu juga, kajian ini dapat mengetahui sejauh mana perkembangan pencapaian di kalangan pelajar terhadap mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan mereka pada peringkat menengah dan kepentingannya dalam meneruskan pelajaran pada peringkat yang tertinggi di dalam menghadapi cabaran yang kian mencabar pada masa kini.

Keseluruhannya kajian ini adalah diharap dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam meneliti kelemahan serta memperbaikinya untuk kepentingan bersama. Ianya adalah untuk :-

- 1 Memberi panduan kepada ibu bapa untuk membantu pelajar meningkatkan prestasi pelajaran mereka melalui sokongan moral dan material. Ibu bapa boleh menghantar anak-anak ke program-program motivasi sama ada anjuran kementerian atau swasta untuk aktiviti luar. Di rumah, ibu bapa boleh bersemuka untuk membincangkan hal-hal pelajaran dan juga memberi sokongan seperti galakan dan pujian. Dari segi material pula, ibu bapa boleh membantu pelajar mendapatkan keperluan peralatan belajar yang baik serta buku-buku untuk rujukan dan latihan tambahan.
- 2 Panduan kepada pelajar mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang berkesan seperti kaedah belajar berkumpulan. Selain itu juga, pelajar perlu memahami kepentingan alatan bantu mengajar dalam pembelajaran. Pelajar juga perlu tahu cara menyemai keyakinan diri dan belajar membentuk disiplin diri yang baik.
- 3 Membantu guru yang mengajar Lukisan Kejuruteraan dan diharap akan dapat dijadikan panduan dalam aktiviti pengajaran dalam kelas baik dari segi perancangan sebelum atau semasa di dalam kelas untuk meningkatkan pencapaian pelajarannya. Kajian ini juga di harap dapat membantu guru yang terlibat supaya dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka yang lebih bersesuaian.
- 4 Membantu pihak sekolah untuk terus mengekalkan prestasi pelajar di sekolah dan dijadikan satu garis panduan dalam membantu para pelajar, guru dan pihak sekolah cara untuk meningkatkan lagi prestasi pelajar. Membantu merancang strategi yang lebih tersusun dengan menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian seperti perisian terbaru, peralatan yang baik. Sekolah juga boleh mengadakan program-program motivasi bagi menambahkan minat dan keyakinan diri pelajar.

Batasan Kajian

Penyelidik membataskan kajian yang dilakukan meliputi aspek-aspek yang mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan kepada pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan di daerah Johor Bahru. Kajian yang dilaksanakan dari segi pencapaian akademik dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Ianya hanya tertumpu kepada kalangan pelajar-pelajar di tingkatan empat tahun 2008 yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sahaja.

Dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan, sebenarnya terdapat lagi faktor-faktor lain yang memberi sumbangan bagi menjawab persoalan ini tetapi di sini penyelidik hanya memilih beberapa faktor sahaja yang difikirkan antara penyumbang utama iaitu faktor sikap, minat, pengajaran guru, keluarga dan persekitaran.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian yang dipilih adalah terdiri daripada 302 orang pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru. Responden seramai 70 orang diambil sebagai sampel. Pelajar ini daripada aliran teknikal yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan yang dipilih secara rawak.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data merupakan satu set soal selidik. Menurut Syed Arabi (1992), penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan kerana ianya lebih praktikal, berkesan dan menjimatkan masa. Soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain dari keterangan latar belakang (Mohd Najib,1997). Bagi tujuan ini, penyelidik merasa kaedah ini adalah merupakan yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat serta data-data daripada pelajar kerana responden mudah memberikan tindak balas terhadap aspek yang dikaji berbanding kaedah temu bual. Melalui kaedah ini juga, responden tidak banyak membuang masa dan tidak melibatkan perbelanjaan. Soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Dalam Bahagian A, maklumat yang diperlukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan biodata responden seperti tingkatan, kursus, jantina, bangsa, tempat tinggal semasa belajar, jumlah subjek yang mendapat gred A dan gred keputusan mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam peperiksaan PMR. Bahagian ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang diri responden.

Bahagian B

Bahagian B mengandungi 30 pernyataan yang dibahagi-bahagikan kepada 5 bahagian mengikut persoalan-persoalan kajian iaitu faktor dorongan ibu bapa, faktor minat, faktor sikap, faktor pengajaran guru dan faktor kemudahan pembelajaran mempengaruhi kualiti pencapaian pelajar di dalam Lukisan Kejuruteraan.

Responden diminta menyatakan tahap persetujuan ataupun tidak terhadap pernyataan yang dikemukakan. Tanggapan responden dalam bahagian ini akan dilihat dengan menggunakan Skala Likert yang terdiri daripada lima nilai skor seperti berikut:-

- 1. = Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 = Tidak Setuju (TS)
- 3 = Tidak Pasti (TP)
- 4 = Setuju (S)
- 5 = Sangat Setuju (SS)

Kajian Rintis

Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji item-item soal selidik dari segi tatabahasa, isi kandungan, kejelasan dan kebolehpercayaan. Selain itu juga, kajian ini bertujuan untuk menganggarkan masa yang sesuai yang akan diperuntukkan kepada responden untuk menjawab item soalan kajian. Dengan itu penyelidik telah memutuskan satu kajian rintis akan di jalankan sebelum kajian sebenar. Kajian ini dijalankan ke atas 10 orang pelajar Sekolah Menengah Teknik Sungai Petani 1, Sungai Petani Kedah yang dipilih secara rawak. Pelajar di sekolah ini dipilih kerana mereka juga terlibat dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.

Nilai Alpha Cronbach untuk kajian rintis yang diperolehi ialah 0.855. Menurut Mohd. Najib (1997), sekiranya nilai Alpha Cronbach melebihi 0.8, ini bermakna tahap kebolehpercayaan item adalah tinggi dan seragam. Pekali kebolehpercayaan adalah di antara 0 hingga 1.0. Sekiranya kebolehpercayaan menghampiri satu, maka komponennya dikatakan sah. Ini bermakna semakin hampir nilai alpha kepada 1.0, maka semakin tinggi kebolehpercayaannya. Pekali Alpha Cronbach dalam program SPSS 13.0 digunakan untuk mendapatkan pekali kebolehpercayaan.

Keputusan

Jadual 1: Analisis Keseluruhan Bagi Setiap Faktor

No	Faktor	Min Keseluruhan	Tahap Penilaian
1.	Peranan dan dorongan ibu bapa	3.9	Positif
2.	Minat	3.8	Positif
3.	Sikap	3.5	Positif
4.	Kaedah pengajaran guru	3.8	Positif
5.	kemudahan pembelajaran	3.0	Neutral

Berdasarkan dapatan kajian secara keseluruhannya dapat dibuat kesimpulan bahawa faktor-faktor tersebut memang mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan kecuali faktor kemudahan pembelajaran dimana responden kurang bersetuju bahawa faktor tersebut mempengaruhi kualiti keputusan.

Faktor peranan dan dorongan dari ibu bapa banyak memberi kesan kepada kualiti peperiksaan pelajar dimana min keseluruhan item yang diperolehi ialah 3.9 pada tahap positif. Faktor minat juga menunjukkan satu pengaruh yang agak jelas dimana min keseluruhan item yang diperolehi ialah 3.8 dan tahap penilaiannya positif mempengaruhi kualiti peperiksaan.

Secara keseluruhannya bagi faktor sikap juga dapat dibuat kesimpulan bahawa jelas menunjukkan satu pengaruh yang besar dimana min menunjukkan tahap positif dalam menentukan kualiti peperiksaan. Jumlah min keseluruhan item yang diperolehi ialah ialah 3.5. Faktor kaedah pengajaran guru juga merupakan satu faktor yang jelas menunjukkan satu pengaruh yang besar dimana min menunjukkan tahap positif dalam menentukan kualiti peperiksaan. Jumlah min keseluruhan item yang diperolehi ialah ialah 3.8. Keempat faktor tersebut menunjukkan min keseluruhan positif, responden bersetuju faktor-faktor tersebut memang mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.

Faktor kemudahan pembelajaran adalah di antara aspek yang terlibat secara langsung dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, kemungkinan responden tidak dapat melihat perkaitannya. Hasil dari dapatan kajian untuk faktor kemudahan pembelajaran menunjukkan bahawa faktor ini kurang mempengaruhi dalam menentukan kualiti keputusan peperiksaan. Berdasarkan jumlah min keseluruhan item yang diperolehi ialah ialah 3.0 yang menunjukkan tahap neutral dalam mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan. Lukisan Kejuruteraan adalah subjek yang memerlukan daya imaginasi yang baik untuk belajar dan kemudahan pembelajaran sangat membantu mereka untuk mudah memahami pengajaran guru.

Perbincangan

Adakah faktor peranan dan dorongan yang diberikan oleh ibu bapa mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?

Ibu bapa adalah faktor yang sangat penting dalam mempengaruhi prestasi pelajar untuk memberi hasil pada tahap yang berkualiti dalam peperiksaan mereka. Dari dapatan kajian menunjukkan faktor dorongan ibu bapa dilihat telah memberi sumbangan yang besar dalam meningkatkan tahap pencapaian pelajar. Hasil kajian menunjukkan dorongan ibu bapa adalah faktor penting didalam merealisasikan impian dan harapan pelajar untuk memperolehi keputusan peperiksaan yang berkualiti dan cemerlang. Menurut kajian Nor Azuan Bin Hassim(2003), faktor keadaan keluarga yang paling mempengaruhi akademik pelajar adalah berkaitan sifat ibu bapa yang penyayang dan mengambil berat pendidikan anak-anak. Sifat ibu bapa boleh menjadi perangsang kepada pelajar untuk mendorong mereka berjaya dalam pelajaran.

Faktor dorongan ibu bapa ini dilihat merangkumi beberapa aspek sama ada dari aspek sokongan moral mahu pun meliputi bantuan berbentuk fizikal. Hasil soal selidik menunjukkan 90% responden telah menyatakan bahawa ibu bapa mereka bersedia untuk menyediakan peralatan serta bahan-bahan keperluan untuk mereka mempelajari mata pelajaran ini. Kebanyakan peralatan yang melibatkan kos yang mahal ini menunjukkan ibu bapa telah memberi komitmen yang baik untuk kejayaan terhadap masa depan pelajaran anak-anak mereka. Selain dari itu, majoriti responden bersetuju ibu bapa juga telah memberi dorongan yang tinggi agar anak-anak mereka berjaya di dalam mata pelajaran ini. Perkara ini seiring dengan pandangan Sulaiman (1996), kecemerlangan pelajar bermula dari rumah. Ia bermula dari peranan dan tunjuk ajar ibu bapa sendiri. Sekiranya ibu bapa sentiasa memberi rangsangan kepada pelajar untuk cemerlang serta memenuhi segala keperluan yang diperlukan, Insya-Allah dengan izin-Nya pelajar tersebut boleh cemerlang. Tetapi jika ibu bapa tidak menghiraukan keadaan pelajaran, mereka akan kecewa dan kurang keyakinan diri untuk terus berusaha menjadi cemerlang.

Selain itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan min pada item “Ibu bapa memberi dorongan yang tinggi agar saya berjaya didalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan” berada pada tahap positif, ini telah membuktikan bahawa ibu bapa memberikan galakan yang sepenuhnya terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa telah dapat membawa dengan baik peranan mereka sebagai mentor dan penyokong kepada kejayaan pelajar. Menurut Mohd.Salleh (1994), ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam perkembangan mental, emosi, dan fizikal pelajar. Kebolehan yang ada pada anak-anak mereka seharusnya dipupuk,

diberikan pujian, galakan serta ganjaran. Dari kenyataan ini juga memberi gambaran bahawa ibu bapa sebenarnya merupakan watak utama dalam mempengaruhi kejayaan anak mereka.

Dewasa ini, kesedaran di kalangan ibu bapa semakin positif. Mereka memperlihatkan kematangan dalam mencorak kecemerlangan anak-anak. Majoriti ibu bapa akan selalu mendorong anak-anak mereka supaya berjaya di bidang yang diceburi. Dari semasa ke semasa pemerhatian dibuat dan sentiasa memberi suntikan semangat, ini adalah sebagai satu motivasi untuk menggalakkan anak-anak agar terus berjaya dan berusaha ke tahap tertinggi. Pada waktu yang sama, ibu bapa sentiasa menyediakan kemudahan pembelajaran yang terbaik seperti menyediakan pengangkutan, kemudahan belajar yang selesa, menyediakan kelas tuisyen, membeli buku-buku rujukan terbaru disamping menyediakan peralatan dan keperluan lain semampu yang boleh. Ibu bapa juga sentiasa memberikan sokongan baik dari segi kewangan mahupun kebendaan agar pembelajaran anak tidak terganggu dan seterusnya dengan harapan untuk melihat kejayaan anak-anak menjadi kenyataan.

Adakah faktor minat pelajar mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?

Penyelidik mendapati faktor minat juga adalah penyumbang dalam mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan. Ini dapat dilihat kepada hasil dapatan kajian di mana tahap min keseluruhan menunjukkan positif. Jadi di sini dapat diandaikan bahawa pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan ini. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya ialah atas kadar permintaan yang tinggi disektor pekerjaan semasa terutamanya di sektor perkilangan dan juga sektor swasta lain yang memerlukan pekerja yang mahir di bidang berkaitan teknikal dan vokasional. Ini menunjukkan faktor minat adalah faktor yang penting bersesuaian dengan pandangan yang dibuat oleh Abu Zahari. Menurut Abu Zahari (1987), minat dan kecenderungan memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi pembelajaran. Seseorang yang berminat dalam sesuatu perkara yang dipelajari akan menunjukkan pencapaian yang tinggi dan keadaan sebaliknya akan berlaku jika tiada minat berkaitan.

Beberapa item dapat dilihat jelas menunjukkan pelajar amat berminat dengan mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan seperti item "Saya sentiasa menganggap mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan adalah satu mata pelajaran yang menarik". Min item ini menunjukkan positif dan hanya seorang yang tidak bersetuju kepada ini. Dengan minat yang semula jadi dalam diri mereka ini, secara langsung akan mendorong mereka berusaha untuk mempelajari dengan bersungguh-sungguh mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan ini. Pelajar dengan sendirinya juga akan sentiasa rajin dan berusaha membuat latihan serta mengulang kaji pelajaran mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan.

Menurut Sharifah Alawiah (1984) minat adalah penggerak atau kecenderungan untuk memberi perhatian kepada seseorang, benda atau kegiatan. Ia berupaya menimbulkan daya usaha yang tinggi kepada seseorang. Dalam hal yang demikian jika seseorang itu berminat ia akan terus memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada perkara-perkara yang diminatinya. Berdasarkan pernyataan tersebut jelaslah untuk item "Saya datang ke sekolah adalah lebih menyeronokkan bila ada mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan" yang menunjukkan min pada tahap positif. Pelajar yang berminat tidak perlu diminta atau diarah tetapi dengan sendirinya akan melakukan apa yang difikirkan perlu untuk kejayaannya. Bagi menimbulkan minat kepada pelajar, guru perlu bijak merancang aktiviti agar menarik. Menurut Ismail Sulaiman(2005), keupayaan guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran berupaya menarik minat untuk belajar dan seterusnya mencapai kecemerlangan.

Melihat kepada min keseluruhan persoalan kajian ini yang berada pada tahap positif, ini bererti guru di sini mempunyai kumpulan pelajar yang mempunyai minat untuk mengikuti pengajaran. Secara tidak langsung ia akan memberi lebih keyakinan dan semangat kepada guru untuk mengajar dan memberi bimbingan secukupnya serta seterusnya meletakkan sasaran pelajarannya untuk cemerlang dalam

peperiksaan. Dengan ini dapatlah dibuat andaian bahawa faktor minat merupakan diantara penyumbang utama dalam mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan. Pada pandangan penyelidik juga, majoriti responden ada menunjukkan minat yang mendalam untuk berusaha dan berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.

Adakah faktor sikap pelajar mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?

Berdasarkan daripada penganalisan terhadap aspek ini, 6 item soalan yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang bagaimanakah sikap pelajar mempengaruhi keputusan kualiti peperiksaan yang akan pelajar duduki. Antara aspek-aspek yang dilihat adalah tentang sikap pelajar terhadap tumpuan dalam kelas dan sikap kerajinan serta sikap dalam merancang waktu belajar. Kesemua aspek-aspek ini apabila dianalisis akan memperlihatkan tahap pengaruhnya terhadap kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.

Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa sikap pelajar merupakan faktor penting yang mempengaruhi kecenderungan mereka mempelajari mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Hampir keseluruhan tahap min item menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai sikap yang sentiasa positif terhadap mata pelajaran ini.

Menurut Anastasi (1976), sikap merupakan kecenderungan seseorang itu untuk bertindak dengan tingkah laku tertentu apabila berhadapan dengan sesuatu rangsangan. Ia merupakan proses mental seseorang individu yang dapat menentukan gerak balas potensi pada setiap individu terhadap persekitaran. Berdasarkan pernyataan tersebut, Lukisan kejuruteraan berjaya memupuk disiplin dan mendorong pelajar supaya sentiasa bersikap positif. Ia akan memudahkan pelajar untuk menyesuaikan diri demi kebaikan masa depan pelajar sendiri. Kecenderungan atau komitmen yang tinggi berkaitan mata pelajaran ini akan memberi keyakinan yang lebih kepada pelajar untuk terus belajar secara lebih efektif.

Walaupun begitu, pengurusan sekolah tidak harus alpa dan mestilah sentiasa memberi kaunseling yang lebih kerap untuk membimbing pelajar disamping sentiasa menggalakkan pelajar supaya selalu berjumpa guru untuk menyelesaikan sebarang masalah yang mungkin mereka hadapi. Sebagai timbal balas, pelajar mestilah sentiasa mencari punca kelemahan dan memperbaiki kelemahan itu. Pelajar juga perlu memberi penuh perhatian kepada aktiviti harian sekolah yang dijalankan dan terus berusaha membuatkan persediaan rapi bagi menghadapi peperiksaan mereka.

Adakah faktor kaedah pengajaran guru mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru telah memberi kesan yang besar terhadap keseluruhan pencapaian sesuatu mata pelajaran. Statistik telah menunjukkan lebih 92 peratus responden telah bersetuju bahawa item "Guru selalu membantu saya apabila saya menghadapi kesukaran dalam membuat latihan Lukisan Kejuruteraan" dan tahap min yang positif telah diperolehi. Andaian boleh dibuat bahawa guru selalu membantu pelajar apabila menghadapi kesukaran dalam membuat latihan. Analisis pada item "Guru selalu memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya dan sedia mengulangi topik sehingga semua pelajar faham" jelas menunjukkan guru juga memberi perhatian yang sama rata kepada pelajar-pelajar ketika aktiviti dijalankan serta memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya dan sedia untuk mengulang topik-topik sehingga semua pelajar benar-benar faham. Min yang diperolehi pada tahap positif dan peratus responden bersetuju mencapai 80 peratus. Ini seiring dengan pendapat Atan Long (1980), guru yang baik sentiasa mencari punca kelemahan pelajar di dalam mata pelajaran dan memperbaiki kelemahannya. Guru hendaklah sentiasa membuat penilaian terhadap pembelajaran pelajar supaya kelemahan dapat diketahui dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Menurut Ismail Sulaiman(2005), minat adalah satu elemen yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar, justeru itu seseorang pelajar akan mempunyai semangat yang tinggi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang dihayati jika timbul minat dalam diri mereka. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa guru dapat mengekalkan minat pelajar dari awal hingga akhir proses pembelajaran. Ini bermakna guru telah menggunakan pendekatan yang terbaik dan berjaya menarik perhatian pelajar untuk memberi penumpuan kepada pengajarannya. Di dalam bilik darjah guru memainkan peranan agar proses pembelajaran berlaku seperti yang dirancang. Pengajaran yang berkesan ialah pembelajaran yang boleh menunjukkan perubahan tingkah laku dan bukannya sekadar untuk menghabiskan sukatan pelajaran semata-mata. Guru juga bertindak sebagai pakar motivasi dapat membimbing dan menggerakkan pelajar untuk terus belajar, membantu pelajar membina sikap yang positif, memantapkan teknik mengajar dan memperbaiki diri terhadap mutu dan kualiti pengajarannya.

Secara keseluruhannya, skor min pada tahap positif untuk soalan kajian ini di mana majoriti tinggi responden berpuas hati dengan cara pendekatan yang digunakan guru dalam pengajaran dan sepanjang pengalaman pelajar dengan guru yang mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Walaupun demikian guru seharusnya lebih bersedia untuk menangani masalah yang dikemukakan oleh pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih sistematik, berkesan serta lancar dan seterusnya membantu pelajar agar dapat mencapai keputusan yang lebih cemerlang bagi meningkatkan kualiti keputusan peperiksaan.

Adakah faktor kemudahan pembelajaran mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?

Penyelidik telah memilih faktor kemudahan pembelajaran sebagai persoalan kajian yang terakhir untuk dilihat sejauh mana aspek ini menyumbang kepada kualiti keputusan peperiksaan SPM dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Sebanyak 6 item soalan yang terkandung dalam persoalan ini. Setelah dapatan kajian dianalisis, hasil menunjukkan tahap min iaitu positif, neutral dan negatif terdapat di antara item-item ini.

Bagi item pertama "Saya menghadapi masalah untuk membawa keperluan peralatan Lukisan Kejuruteraan ke kelas" menunjukkan min pada tahap neutral. Ini bermakna pandangan responden agak seimbang untuk item ini. Hasil kajian menunjukkan 35 orang tidak bersetuju, 10 orang tidak pasti dan diikuti dengan 25 orang bersetuju. Begitu juga min untuk item "Peralatan Lukisan Kejuruteraan yang disediakan sudah ketinggalan dan tidak lagi sesuai" juga berada pada tahap neutral. Penyelidik membuat andaian bahawa kedua-dua item ini menunjukkan sebahagian responden kurang yakin dengan keperluan kemudahan peralatan untuk pembelajaran penting. Ini mungkin kerana responden kurang jelas perkaitan antara penggunaan kemudahan pembelajaran dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang akan mempengaruhi kualiti peperiksaan seperti menurut kajian Ismail Sulaiman(2005), faktor kemudahan pembelajaran memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran dan sangat mempengaruhi sesuatu mata pelajaran sama ada meningkatkan atau menjejaskan bergantung kepada keadaan sesuatu tempat belajar itu.

Berdasarkan hasil kajian item "Saya tidak mampu menyediakan peralatan yang lengkap menyebabkan saya selalu ketinggalan dalam kelas" menunjukkan min pada tahap negatif. Begitu juga dengan item "Saya berpeluang menggunakan bilik lukisan walupun bukan waktu pembelajaran Lukisan Kejuruteraan" yang menunjukkan min pada tahap negatif. Ini menunjukkan bahawa pelajar akan ketinggalan tanpa peralatan yang lengkap untuk pembelajaran. Ini kerana pelajar mungkin tidak dapat bersama menjalankan aktiviti dalam kelas kerana perlu menunggu rakan untuk meminjam peralatan mereka. Pada item kedua pula, responden menyatakan bahawa mereka tidak berpeluang menggunakan bilik lukisan. Aspek ini mungkin terjadi kerana banyak sebab dan antaranya kerana guru yang tidak dapat meluangkan masa atau

tidak berpeluang untuk bersama pelajar di waktu selepas kelas atau sukar untuk memperoleh kebenaran menggunakan bilik lukisan selain waktu dalam jadual.

Kemudahan pembelajaran meliputi alat bantu mengajar, peralatan lukisan dan sumber rujukan boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui dengan lebih mendalam akan sesuatu aspek pengajaran disamping boleh menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Menurut Azhar Abdul Aziz (1999), alat bantu mengajar mestilah dianggap sebagai sebahagian dari proses pengajaran. Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaslah bahawa proses pembelajaran akan lebih baik dengan bantuan peralatan yang pelbagai.

Terdapat juga dua item yang skor min pada tahap positif iaitu item "Set meja lukisan lengkap yang di sediakan dalam bilik lukisan bersesuaian dan mencukupi" dan item "segala peralatan dalam bilik lukisan sentiasa dalam keadaan baik dan akan diganti baru jika rosak". Majoriti responden bersetuju bahawa bilik lukisan sangat penting dan bilik lukisan yang digunakan adalah bersesuaian dan jumlahnya mencukupi dalam satu masa untuk pembelajaran. Penyelenggaraan peralatan dalam bilik lukisan meunjukkan pemantauan yang baik dari semasa ke semasa dari pihak yang berkenaan. Menurut Mat Noor Hussin dan Ab. Rahman Ab. Rashid (1988), penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran merupakan di antara idea dan kaedah yang disampaikan oleh guru kepada pelajarnya. Hal ini sangat penting kerana apa pun kaedah yang digunakan, alat bantu mengajar pasti turut sama iaitu bagi membolehkan pelajar dan guru mengadakan komunikasi yang sihat. Ini menggambarkan kepentingan peralatan bantu mengajar tidak boleh dipandang ringan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian persoalan ini menunjukkan nilai min pada tahap neutral dan ini bermakna faktor kemudahan pembelajaran pada pandangan responden menggambarkan faktor ini kurang mempengaruhi dalam menentukan kualiti peperiksaan. Pelajar perlu mengubah pandangan mereka kerana mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan adalah satu subjek yang agak sukar tanpa kemudahan pembelajaran kerana mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan memerlukan daya imaginasi yang baik untuk belajar dan dengan itu peralatan pembelajaran sangat membantu mereka untuk mudah memahami pengajaran guru.

Rumusan

Menghasilkan sesuatu yang berkualiti memerlukan satu jalinan yang kuat antara pihak yang berkenaan bagi menyempurnakan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Sebagaimana yang kita sedia maklum, banyak perkara yang boleh mempengaruhi dalam usaha untuk memberikan yang terbaik. Tidak dinafikan kesungguhan pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar itu sendiri, setiap masa memberi penuh komitmen dan memainkan peranan masing-masing berusaha mencapai impian yang dipasang. Peperiksaan adalah sebagai kayu pengukur sejauh mana pelajar menerima pelajaran yang diajar guru. Memperolehi keputusan yang berkualiti menjadi harapan semua pihak terutamanya pelajar yang telah lama berusaha dan mempunyai cita-cita didalam bidang yang diminatinya.

Masalah-masalah pembelajaran yang wujud dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di sekolah-sekolah aliran teknik mahupun akademik harian mestilah ditangani segera dan diperbaiki melalui pengkayaan penyampaian, pengukuhan dan memantapkan lagi ilmu pendidik serta menyediakan modul-modul pembelajaran terkini yang lebih baik untuk melahirkan generasi baru yang mampu bersaing selaras dengan kemajuan teknologi terkini. Kerjasama di antara semua pihak yang terlibat di dalam merencanakan kemajuan pendidikan perlu diselaraskan dan diawasi sentiasa supaya kualiti dan kuantiti pelajar cemerlang dapat dijana mengikut keperluan semasa negara.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor peranan dan dorongan ibu bapa, minat pelajar, sikap pelajar, kaedah pengajaran guru dan kemudahan pembelajaran sememangnya mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan peperiksaan pelajar dalam mata pelajaran Lukisan

Kejuruteraan. Harapan penyelidik agar kajian ini berguna untuk membantu khasnya pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pelajar.

Rujukan

Abdul Fatah (1997). "*Keupayaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 4 Sek. Men. Teknik Kuantan. Satu Tinjauan*" UTM Skudai: Tesis PSM

Abu Zahari Abu Bakar (1987). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Mahdzan Ayob dan Fauziah Yaakub dalam Azhar (1999a). "*Satu Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah-Sekolah Menengah Akademik Biasa Daerah Kuala Terengganu.*" UTM: Tesis.

Amrul Ismail (1995). "*Prestasi Rendah Di Kalangan Pelajar dalam Mata Pelajaran Lukisan Geometri & Penyamanan Udara Kertas Kerja.*" Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Johor

Asmah Ahmad (1989). "*Pedagogi 1.*" Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Atan Long (1980). "*Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*". Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Brunner J.S. (1960). "*The Proses Of Education.*" New York: Vintage Books.

Crow L.D. & Crow (1983). "*Psikologi Pendidikan untuk Perguruan.*" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ee Ah Meng (1988). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

_____*Ensiklopedia Malaysiana* (1996). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.

Hassan Mohd. Ali (1996). "*Pelajar Cemerlang.*" Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Ismail Bin Saiman (2005). "*Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar-Pelajar Dalam Matapelajaran Kemahiran Hidup Tingkatan 2 Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian*". Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, UTM: Tesis .

Kamarudin Dan Hazil (1990). *Prinsip-prinsip Asas Kurikulum Dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

_____*Kamus Dewan* (2005). Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

_____*Kamus Dewan* (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

_____*Kamus Dewan* (1997), Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1993). "*Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 4 dan 5.*" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Koh, Boh Bon (1975). “ *Sikap Iubapa Terhadap Pencapaian Rendah Murid – murid Satu Budaya.*”
Jurnal Pendidikan. Volume 5.77-79
- Mohd. Majid Konting (2000). “*Kaedah Penyelidikan Pendidikan.*” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka.
- Mohd Najib Ghafar (1999). “*Asas Penyelidikan Sains Sosial*”. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi
Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (1994). “*Asas Psikologi Pembelajaran.*” Kuala Lumpur: Utusan Publication &
Distributors. Sdn. Bhd.